

Selamat Ulang Tahun UiTM



اوتو كرسيتي
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

**Majlis Kemuncak
Sambutan Ulang Tahun
ke-60 UiTM**

**Sambutan Ambang
Kemerdekaan UiTM**

**Istiadat Konvokesyen
UiTM ke-85**

UiTM Ikutai APEL

**Konvensyen Nasional
Penyatuan Bangsa**



Istiadat Konvokesyen

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM

Ke-85

Istiadat Konvokesyen UiTM ke-85 telah disempurnakan oleh Tuanku Canselor, Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Al-Muta'asimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah pada 22 Oktober 2016 bertempat di Dewan Agung. Pada Istiadat kali ini seramai 25,720 graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam pelbagai peringkat iaitu, Doktor Falsafah (PhD), Sarjana, Ijazah Sarjana, Ijazah Profesional, Diploma Lepas Ijazah, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma.

Selain itu, UiTM turut menganugerahkan 12 Anugerah Graduan Terbaik (AGT) kepada 13 orang pelajar pada Istiadat Konvokesyen kali ini. Antara kategori Anugerah Graduan Terbaik adalah Anugerah Kedoktoran Cemerlang Tuanku Canselor, Anugerah Seri Paduka Baginda Tuanku Canselor, Anugerah Pingat Emas Naib Canselor, Anugerah Tun Abdul Razak, Anugerah Cemerlang Tan Sri Arshad Ayub, Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang), Anugerah Cemerlang Pharmaniaga, Anugerah Pingat Emas Yayasan Budiman UiTM, Anugerah Cemerlang Alumni UiTM, Anugerah Cemerlang Pingat Emas Tun Fatimah Hj Hashim, Anugerah Kepimpinan Cemerlang dan Anugerah Hadiah Buku MTDC.

Dalam pada itu, Istiadat Konvokesyen kali ini turut menyaksikan pelantikan dua orang Pro-Canselor UiTM yang baharu, iaitu Yang Amat Berbahagia Tun Datuk Seri Panglima Haji Ahmadshah bin Abdullah dan Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Haji Safri Awang Zaidell. Pelantikan ini dibuat berdasarkan sumbangan besar yang telah diberikan oleh kedua-dua tokoh ini kepada pembangunan bangsa dan negara



Perlantikan Pro Canselor Baharu

YABHG TUN DATUK SERI PANGLIMA HAJI AHMADSHAH ABDULLAH

YABhg. Tun Datuk Seri Panglima Haji Ahmadshah merupakan anak kelahiran Inanam, Sabah dan berketurunan Bajau. YABhg. Tun telah menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Sains Politik di Indiana States University, Amerika Syarikat. Kariernya bermula dalam bidang perkhidmatan awam melalui Jabatan Kastam Diraja Malaysia sebagai Pegawai Kastam di Kota Kinabalu, Sabah pada 1 Mac 1968. Selain itu juga, YABhg. Tun pernah berkhidmat di jabatan-jabatan dalam perkhidmatan awam negeri Sabah dengan menyandang pelbagai jawatan termasuklah dalam bidang pentadbiran, perkhidmatan awam, penyelidikan mahupun agama Islam negeri. Pada tanggal 1 Januari 2003, YABhg. Tun telah mengangkat sumpah sebagai Yang Dipertua Negeri Sabah yang ke-9 dan telah menerajui pucuk pimpinan negeri Sabah dengan jayanya sehingga 31 Disember 2010



YBHG. TAN SRI DATO' SRI HAJI SAFRI AWANG ZAIDELL

YBhg. Tan Sri Dato' Sri Haji Safri Awang Zaidell telah memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Victory University, New Zealand pada 1962. YBhg. Tan Sri bukan sahaja dikenali di dalam negara bahkan di peringkat antarabangsa. Ini terbukti apabila YBhg. Tan Sri adalah individu terpenting yang menghadiri sebuah program bagi pengurus kanan dalam kerajaan di John F. Kennedy School of Government, Harvard University, Amerika Syarikat pada tahun 1985. YBhg. Tan Sri telah memulakan perkhidmatan dalam sektor awam Sarawak pada tahun 1954 sehingga 1990 dan telah berkhidmat di pelbagai jabatan termasuklah dalam bidang pendidikan, pentadbiran mahupun di badan-badan berkanun negeri. YBhg. Tan Sri juga telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi dan Pengarah Eksekutif Yayasan Sarawak. Dalam masa yang sama, YBhg. Tan Sri telah menerajui Yayasan Sarawak menerusi Lembaga Aseambanker Berhad serta beberapa syarikat pembalakan di Sarawak. Selain itu juga, YBhg. Tan Sri kerap menulis untuk 'Sarawak Gazette' dan antara artikel yang diterbitkan oleh beliau ialah Recollections of an Ex-Government Officer Part 1&2, The Old Man of Baram, Under The Shadow of Rentap's Sadok, Growing Up in War-Time Miri dan A Jolly Good Conference.





Konsep & Reka Bentuk:
Bahagian Consuleri & Komunikasi Korporat Universiti Teknologi MARA



www.uitm.edu.my



UITM Rasmi: www.facebook.com/uitmrasmil
Lensa Korporat: www.facebook.com/darilensasakorporat